

29 JAN 2000

Rais-Forensik

MALAYSIA PERLUKAN PENGAMAL PERUBATAN FORENSIK PROFESIONAL

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Perubatan forensik di negara ini perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi kerana undang-undang memerlukan bukti kukuh dalam kes-kes yang melibatkan kemalangan dan kecederaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Rais Yatim berkata terdapat banyak kes seumpama itu yang mana doktor diperlukan untuk memberi bukti di mahkamah.

"Kita mempunyai kira-kira 5,200 kes seumpama itu sejak tujuh tahun lepas yang melibatkan kemalangan dan kecederaan yang memerlukan keterangan daripada doktor," katanya kepada pemberita selepas menghadiri "Jamuan makan malam Pembedahaan 2000" Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia di sini malam ini.

Beliau berkata ia memerlukan prosidur yang perlu diseragamkan untuk mendapatkan bukti, di samping itu usaha juga perlu dipertingkatkan untuk menambah nisbah jumlah doktor kepada penduduk dari satu doktor untuk 1,477 penduduk kepada kira-kira satu doktor kepada 400 penduduk, sebagaimana yang diiktiraf oleh mahkamah.

Beliau berkata negara berbangga HUKM dapat mengeluarkan sejumlah 2,696 doktor dari tahun 1979 hingga 1999, yang mana 239 adalah pakar pembedahan.

Sementara itu, berkaitan pemilihan Umno Mei ini, beliau berkata akan menyokong Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi masing-masing bagi jawatan nombor satu dan nombor dua.

"Saya tidak akan menyokong sesiapa yang mencabar mereka berdua, bagaimanapun ia tidak bermakna hak untuk pertandingan bagi kedua-dua jawatan itu tidak ada," katanya.

"Ia bergantung kepada mereka (yang ingin bertanding) untuk menimbangkan pendapat atau nasihat Majlis Tertinggi (baru-baru ini telah memutuskan tiada pertandingan bagi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti)," katanya.

-- BERNAMA

MNY RI